

## Hong Leong - MRCA Gold & Platinum Credit Card

### Terma dan Syarat Kad Kredit MRCA – Hong Leong ("Terma dan Syarat")

Penyertaan dalam Program Cash Points adalah bergantung kepada Terma dan Syarat berikut serta Terma dan Syarat Penggunaan Kad Kredit Kumpulan Hong Leong .

#### 1. Definisi dan Tafsiran

- 1.1 **“Program Ganjaran Bonus Plus”** merujuk kepada program di mana Pemegang Kad layak untuk mengumpul dan menebus Nilai Bonus Plus.
- 1.2 **“Nilai Bonus Plus”** merujuk kepada nilai yang diberi oleh Hong Leong dan diperolehi oleh Pemegang Kad berkaitan dengan perbelanjaan yang dicaj ke Kad Co-Brand.
- 1.3 **“Kad Co-Brand”** merujuk kepada Kad Kredit MRCA-Hong Leong keluaran Hong Leong , yang termasuk logo MRCA yang dicapkan keatasnya, dan/atau apa-apa nama lain, logo dan/atau cap dagangan seperti ditentukan oleh Hong Leong dari semasa ke semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 1.4 **“Pemegang Kad”** merujuk kepada individu yang dinamakan diatas “Kad Co-Brand”, samada Pemegang Kad Utama atau Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 1.5 **“Program Cash Points”** bererti program dibawah mana Pemegang Kad layak mengumpul dan menebus Cash Points.
- 1.6 **“Cash Points”** bererti nilai yang diberi oleh Pedagang Sertaan MRCA dan diperolehi oleh Pemegang Kad melalui perbelanjaan yang dicaj ke Kad Co-Brand di kedai Pedagang Sertaan MRCA.
- 1.7 **“Hong Leong ”** bererti Hong Leong Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftaranya di Hong Leong Bank Berhad, Level 8, Wisma Hong Leong , 18, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
- 1.8 **“MRCA”** bererti Malaysian Retailer-Chains Association yang merupakan persatuan untuk pengusaha kedai rantaian dan pemegang francais utama di Malaysia yang ditubuhkan dibawah undang-undang Malaysia dan berdaftar dibawah Akta Pertubuhan, yang beralamat surat-menyurat di No. 15-6, Block A, Jaya One, No. 72A, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- 1.9 **“Pedagang Sertaan MRCA”** merujuk kepada kedai rantaian dan pemegang francais yang adalah dari semasa ke semasa merupakan ahli MRCA [yang telah diundang oleh MRCA] dan yang menyertai Program Cash Points dan mempunyai perjanjian dengan Hong Leong untuk menyertai dalam penerimaan kad kredit dan kad prabayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kad Co-Brand.
- 1.10 **“Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA”** merujuk kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pedagang Sertaan MCRA di mana-mana cawangan dan tempat di mana Pedagang Sertaan MRCA menjalankan penjualan.

- 1.11 **“Produk dan Perkhidmatan Pedagang Bukan MRCA”** merujuk kepada produk dan perkhidmatan selain daripada Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA.
- 1.12 **“RM”** bererti Ringgit Malaysia, matawang Malaysia yang sah.
2. Program Cash Points adalah terbuka ke semua ahli Kad Co-Brand, kecuali kategori–kategori berikut:
  - 2.1 Pemegang Kad-Kad yang tidak sah atau digantung dan/atau mempunyai akaun yang delinquen seperti ditentukan oleh Hong Leong ;
  - 2.2 Pemegang Kad-Kad Kredit Hong Leong syarikat dan/atau korporat.
  - 2.3 Pemegang Kad-Kad Kredit Hong Leong label persendirian.
3. Pemegang Kad-kad kredit keluaran Hong Leong selain dari Kad Co-Brand tidak layak untuk menyertai Program *Cash Points* melainkan sebaliknya ditentukan oleh Hong Leong.
4. Program *Cash Points* membenarkan Pemegang Kad untuk memperolehi *Cash Points* diatas penggunaan Kad Co-Brand semasa pembelian Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA di mana-mana kedai Sertaan Pedagang MRCA, untuk penggunaan peribadi oleh orang sebenar sahaja dan tidak boleh digunakan untuk perniagaan dan pembelian komersial, pada kadar yang ditentukan oleh Hong Leong dan Sertaan Pedagang MRCA tertakluk kepada sebarang perbezaan yang mungkin di lakukan oleh Hong Leong mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terlebih dahulu dan sebarang perbezaan akan berkuatkuasa pada tarikh/tarikh-tarikh seperti ditentukan oleh Hong Leong . Pemegang Kad adalah terikat dengan sebarang perbezaan yang ada.
5. Hong Leong berhak dalam budi bicara mutlak untuk tidak menghadihkan dan/atau debit *Cash Points* ke Kad Co-Brand dan/atau menamatkan dengan serta merta mana-mana Kad Co-Brand Pemegang Kad Utama dan/atau Pemegang Kad Tambahan yang digunakan untuk pembelian yang dianggap untuk perniagaan dan pembelian komersil oleh mana-mana Pemegang Kad Utama dan/atau Pemegang Kad Tambahan.
6. *Cash Points* Tambahan boleh dihadihkan oleh Sertaan Pedagang MRCA dari semasa ke semasa di atas kempen taktikal untuk mempromosi Kad Co-Brand.
7. Hong Leong akan membahagi-bahagikan *Cash Points* kepada Pemegang Kad yang layak berdasarkan Kad Pemegang Kad Utama Kad Co-Brand, yang tidak dihalang, dibatalkan atau ditamatkan oleh Hong Leong pada waktu transaksi.
8. Sebarang *Cash Points* yang dikumpul oleh Pemegang Kad Utama atau Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Pemegang Kad Utama Kad Co-Brand dan jumlah *Cash Points* yang terkumpul akan ditunjukkan di dalam penyata bulanan bil dan draf penjualan Pemegang Kad Utama.
9. *Cash Points* terkumpul yang ditunjukkan di dalam draf penjualan adalah ringkasan kesemua *Cash Points* yang diperolehi sebelumnya, selepas di tolak semua penebusan *Cash Points* sebelumnya atau penolakan semua penyelarasan (jika ada) kepada *Cash Points* hingga tarikh transaksi berkenanaan dan akan dianggap betul dan tepat pada waktu transaksi.
10. Pemegang Kad mengakui bahawa ada selang masa antara tarikh transaksi dibuat menggunakan Kad Co-Brand dan pengkreditan *Cash Points* ke dalam akaun Pemegang Kad Kad Co-Brand. Oleh itu, Hong Leong tidak mewakili dan memberi waranti bahawa *Cash*

*Points* yang terkumpul sebelum penebusan akan dengan serta merta sedia ada untuk penebusan.

11. Rekod Hong Leong adalah dianggap keterangan yang tidak dapat dipertikaikan untuk jumlah *Cash Points* yang ada di dalam akaun Pemegang Akaun pada setiap masa.
12. Pemegang Kad layak untuk memperolehi Nilai *Bonus Plus* untuk perbelanjaan yang di buat di atas kedua-dua Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA serta Produk dan Perkhidmatan Pedagang Bukan MRCA dan menebus Nilai *Bonus Plus* berdasarkan terma dan syarat yang seperti dinyatakan di dalam Program Ganjaran Kad Kredit “*Bonus Plus*” Kumpulan Hong Leong .
13. Pemegang Kad hanya akan layak untuk menyertai Program Ganjaran Kad Kredit “*Bonus Plus*” Kumpulan Hong Leong yang ditawarkan oleh Hong Leong berkenaan dengan kad kredit keluaran Hong Leong selain dari Kad Co-Brand. Pemegang kad kredit yang di keluarkan oleh Hong Leong selain dari Kad Co-Brand tidak layak untuk menyertai Program-program *Cash Points* kecuali ditentukan sebaliknya oleh Hong Leong .
14. Nilai *Bonus Plus* Tambahan mungkin diberi dari semasa ke semasa di atas kempen taktikal untuk mempromosi Kad Co-Brand di atas budi bicara mutlak Hong Leong .
15. *Cash Points* adalah bukan untuk dijual dan tidak juga boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit atau yang sepeertinya, samada sebahagian atau sepenuhnya;
16. Penukaran berikut tidak dibenarkan:-
  - 16.1 Nilai *Bonus Plus* kepada *Cash Points* , dan sebaliknya kecuali dinyatakan demikian; atau
  - 16.2 *Cash Points* kepada wang tunai di dalam harga yang sama, dan sebaliknya.
17. Penebusan *Cash Points* akan tertakluk kepada terma dan syarat berikut:-
  - 17.1 Penebusan *Cash Points* hanya boleh di buat oleh Pemegang Kad Utama dalam tempoh hayat Pemegang Kad pada waktu penyerahan Kad Co-Brand di mana-mana kedai Sertaan Pedagang MRCA pada waktu penebusan. Pemegang Kad tidak layak untuk mewakili sesiapa yang lain, termasuk Pemegang Kad Tambahan, untuk menebus *Cash Points* bagi pihak Pemegang Akaun Utama.
  - 17.2 *Cash Points* dikumpul untuk penggunaan peribadi orang sebenar sahaja dan bukan dikumpul untuk perniagaan dan pembelian komersil;
  - 17.3 *Cash Points* tidak dikumpul oleh kerana pemalsuan atau aktiviti atau transaksi yang tidak dibenarkan seperti ditentukan oleh Hong Leong ;
  - 17.4 *Cash Points* boleh dikumpul dan ditebus hanya di mana-mana kedai Sertaan Pedagang MRCA untuk pembelian Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA sahaja;
  - 17.5 Kad Co-Brand adalah sah, kedudukan kredit yang baik dan bukan delinquen di atas budi bicara mutlak, tidak dihalang, digantung, dibatalkan dan/atau ditamatkan di waktu penebusan;
  - 17.6 Tiada kemungkiran daripada membayar amaun belum dijelas di dalam akaun Kad Co-Brand;

- 17.7 Kad Co-Brand belum melebihi had kredit;
- 17.8 Sekiranya nilai transaksi tersebut adalah lebih atau sama dengan *Cash Points* terkumpul, Pemegang Kad mesti menebus seluruh, bukan sebahagian, *Cash Points* terkumpul ke arah pembayaran penuh atau separa untuk Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA yang dibeli dari mana-mana kedai Sertaan Pedagang MRCA. Nilai terkumpul *Cash Points* akan ditolak dari nilai transaksi dan baki transaksi, sekiranya ada, mesti dibayar dengan caj yang serupa ke Kad Co-Brand Pemegang Kad dan bukannya dengan wang tunai;
- 17.9 Sekiranya nilai transaksi adalah kurang dengan *Cash Points* terkumpul, Pemegang Kad adalah layak untuk menebus sebahagian dari *Cash Points* terkumpul, bersamaan dengan nilai transaksi;
- 17.10 Pembelian Produk dan Perkhidmatan Pedagang MRCA tidak boleh dibuat menggunakan kedua-dua penebusan *Cash Points* dan baki seterusnya dengan wang tunai;
- 17.11 Tiada *Cash Points* akan dikreditkan untuk berikut:
  - 17.11.1 Untuk barang jualan, item harga istimewa, item promosi atau item tidak semasa; atau layak yang di tentukan oleh Sertaan Pedagang MRCA dari semasa ke
  - 17.11.2 Pembayaran di buat di bawah pelan bunga bebas oleh Hong Leong ;
  - 17.11.3 Sekiranya berlaku mana-mana kerosakan komputer, talian komunikasi Sertaan Pedagang MRCA; atau terminal atau sebarang alat, samada atau tidak kepunyaan Hong Leong atau
  - 17.11.4 Dalam keadaan di mana, transaksi kad di proses secara manual untuk apa sebab sekalipun
18. Sebaik sahaja berlaku penebusan dan penolakan *Cash Points* ke atas akaun Pemegang Kad, *Cash Points* akan dihapuskan dan tidak boleh di kembalikan semula dalam apa keadaan sekalipun.
19. Dalam keadaan di mana, *Cash Points* yang ditebus oleh Pemegang Kad seterusnya didapati tidak sah dan berikutan itu perlu di debitkan dari akaun Pemegang Kad, Pemegang Kad akan diikat tanggungjawab untuk *Cash Points* tidak sah yang ditebus dan caj dalam jumlah yang setara akan di caj kepada akaun kad kredit Pemegang Kad dengan Hong Leong .
20. Hong Leong tidak akan melayani sebarang pelarasan atau pertikaian untuk pengumpulan *Cash Points*.
21. Sertaan Pedagang MRCA tidak akan melaksanakan pelarasan *Cash Points* untuk sebab-sebab keselamatan.
22. *Cash Points* adalah sah untuk tiga puluh enam (36) bulan dari bulan *Cash Points* dikumpul atau tempoh masa seperti ditentukan oleh Hong Leong dari semasa ke semasa (“Tempoh Pengesahan”). Sebarang *Cash Points* yang tidak ditebus oleh Pemegang Kad Utama dalam masa Tempoh Pengesahan akan secara automatik luput dan akan ditolak dari baki *Cash Points* dalam Akaun Kad Co-Brand Pemegang Kad.
23. Sebarang *Cash Points* yang tidak ditebus dalam akaun Kad Co-Brand akan serta merta

dibatalkan atau dilupuskan tanpa sebarang pemulangan, pelanjutan atau pampasan apa sekalipun dalam mana-mana keadaan seperti berikut:

- 23.1 Pembatalan atau penamatan Kad Co-Brand untuk apa sebab sekalipun; atau
  - 23.2 Akaun Kad Co-Brand menjadi delinquen di atas budi bicara mutlak Hong Leong ;
  - 23.3 Pembatalan Program *Cash Points* untuk apa-apa sebab;
  - 23.4 Di atas penamatan Tempoh Pengesahan *Cash Points* tersebut;
  - 23.5 Terdapat pemalsuan atau aktiviti atau transaksi yang tidak diluluskan seperti ditentukan oleh Hong Leong .
24. Dalam keadaan di mana sebarang percanggahan atau perselisihan di antara:-
- 24.1 Penolakan atau pembatalan sebarang *Cash Points* dari mana-mana akaun Kad Co-Brand;
  - 24.2 Pelbagaian, pergantungan, pembatalan atau penamatan Program *Cash Points* ;
  - 24.3 Membeza, menukar atau mengubah faedah dan ganjaran Kad Co-Brand seperti dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, termasuk tanpa terhad kepada mekanisma penghitungan dan pemberian *Cash Points* ;
  - 24.4 Pelbagaian, pembatalan atau penambahan mana-mana Terma dan Syarat ini;
  - 24.5 Terdapat pemalsuan atau aktiviti atau transaksi yang tidak diluluskan seperti yang ditentukan oleh Hong Leong .
25. Hong Leong berhak dengan budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terlebih dahulu dari semasa ke semasa:-
- 25.1 Terma dan syarat Kumpulan Hong Leong Mengawalselia Penggunaan Kad Kredit dan terma dan syarat terkandung disini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan mengatasi Terma dan Syarat Kumpulan Hong Leong Mengawalselia Penggunaan Kad Kredit tersebut;
  - 25.2 Terma dan Syarat di sini dan mana-mana peruntukan atau perwakilan terkandung di dalam mana-mana brosur atau bahan promosi lain yang mengiklankan Program *Cash Points* , Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan mengatasi terma dan syarat tersebut;
  - 25.3 Di tarikh luput Tempoh Pengesahan *Cash Points* ;
  - 25.4 Menambah, membatalkan atau menarik mana-mana Sertaan Pedagang MRCA dari Program *Cash Points* ; Dan sebarang penolakan, perbezaan, pergantungan, pembatalan dan/atau penamatan oleh Hong Leong boleh di lakukan dengan penempatan satu notis am di mana-mana akhbar harian nasional atau di laman web atau dengan menggabungkan notis tersebut dalam penyata bil bulanan Hong Leong yang di hantar kepada Pemegang Kad atau sedemikian cara lain disifatkan sesuai oleh pihak Bank. Notis sedemikian akan berkuatkuasa dari tarikh ditetapkan dalam notis itu dan jika tiada tarikh yang dinyatakan, notis akan berkuatkuasa pada tarikh notis tersebut. Pemegang Kad bersetuju untuk melawati laman web dengan kerap untuk melihat Terma dan Syarat dan memastikan yang mereka mengikuti sebarang perubahan atau perbezaan di dalam Terma dan Syarat ini;

26. Hong Leong berhak untuk debit atau kredit mana-mana *Cash Points* dari akaun Kad Co-Brand pada bila-bila masa di atas pembalikkan sebarang transaksi dipertikaikan atau pada bila-bila masa dianggap perlu dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad berkenaan.
27. Penukaran untuk sibar silang dan/atau penebusan serata dunia akan ditentukan oleh Hong Leong di atas budi bicara mutlak.
28. Hong Leong tidak akan diikat tanggungjawab untuk berikut:-
  - 28.1 Apa-apa tuntutan atau pampasan untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dihadapi atau ditanggung oleh Pemegang Kad samada secara langsung atau tidak secara langsung hasil dari tindakan pembatalan, penggantungan, pembatalan dan/atau penamatan mengikut Fasal 26 di atas;
  - 28.2 Sebarang penebusan yang tidak diluluskan atau apa-apa transaksi yang melibatkan Program *Cash Points* timbul dalam apa cara sekalipun;
  - 28.3 Sekiranya *Cash Points* tidak boleh di rekodkan untuk apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau gangguan sistem *Cash Points* , kecacauan awam, kebakaran atau acara force majeure yang di luar kawalan Hong Leong ;
  - 28.4 Sebarang kemungkiran di sebabkan oleh sebab bencana alam, perang, rusuhan, mogok, larangan bekerja, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa jua sebab di luar kawalan Hong Leong .
29. Dengan takat dibenarkan oleh undang-undang, tidak dalam apa keadaan sekalipun, Hong Leong atau mana-mana pegawai, pekerja, kakitangan, perwakilan dan/atau ejen (termasuk tanpa terhad, mana-mana perkhidmatan pihak ketiga yang digaji oleh Hong Leong untuk tujuan Program *Cash Points* ini), akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk dan tidak terkecuali kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik tidak secara langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau kerosakan luar biasa mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) bagaimana sekalipun timbul samada dalam kontrak, undang-undang tort, kelalaian atau sebaliknya, dalam hal berkenaan dengan Program *Cash Points* , walau sekiranya Hong Leong telah di maklumkan tentang kemungkinan kerugian atau kerosakan terlebih dahulu, dan apa-apa kerugian dan kerosakan adalah dikecualikan.
30. Sementara Hong Leong memastikan bahawa Sertan Pedagang MRCA menepati komitmen pengeluaran *Cash Points* , Hong Leong tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perlakuan atau peninggalan oleh Sertan Pedagang MRCA.
31. Keputusan Hong Leong di atas semua perkara berkaitan dengan Program *Cash Points* adalah muktamad dan diikat ke atas semua Pemegang Kad Co-Brand, dan tiada sebarang rayuan akan dilayan oleh Hong Leong .
32. Pemegang Kad bersetuju penggunaan terus Kad Co-Brand akan bermaksud penyetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat terkandung yang diubah dan dipelbagaikan dari semasa ke semasa.
33. Terma dan Syarat terkandung di sini diertikan menurut undang-undang Malaysia.

